

Syarat & Peraturan Peraduan	
Pihak Penganjur & Kelayakan	
1	PERADUAN JOM WHATSAPP & MENANG [“Peraduan”] ini dianjurkan oleh NESTLÉ Products Sdn. Bhd. [45229-H] [“Pihak Penganjur”] dengan kerjasama bersama WorldCard Services Sdn Bhd [430982-P] sebagai penaja Hadiah-Hadiah Mingguan dan dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas pada 5/09/2017.
2	Golongan individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:
[a]	Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
[b]	Wakil, kakitangan, pekerja dan / atau ejen pembekal khidmat pengiklanan, syarikat penaja hadiah-hadiah dan / atau Peraduan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

Tempoh	
1	Peraduan ini akan bermula dari 5/09/2017 pada “00:00:001” hingga 30/10/2017 pada “23:59:59” [“Tempoh Peraduan”]. Pihak Penganjur berhak meminda Tempoh Peraduan pada bila-bila masa sahaja tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.

Penghantaran Penyertaan & Kriteria Kelayakan	
1	Untuk menyertai Peraduan ini, beli satu [1] produk sedia minum NESCAFÉ tin/PET/UHT dari mana-mana kedai 7-Eleven di dalam satu [1] resit rasmi yang bertarikh di dalam Tempoh Peraduan [“Resit Rasmi”]. Hanya produk NESTLÉ edaran pihak Penganjur sahaja layak diterima. Peserta boleh mengemukakan lebih daripada dua [2] produk sedia minum NESCAFÉ di dalam satu Resit Rasmi, setiap satu [1] produk layak untuk satu [1] penyertaan, sebagai contoh; Resit Rasmi mengandungi pembelian enam [6] produk sedia minum NESCAFÉ, peserta dikira layak untuk enam [6] penyertaan.
2	<p>Penyertaan Peraduan ini adalah secara digital melalui WhatsApp Messaging [“WAM”] dari sebarang nombor telefon bimbit terdaftar di Malaysia. Penyertaan peserta hanya akan dianggap diterima dan sah selepas kedua-dua langkah di bawah dilengkapkan. Penyertaan peserta-peserta yang tidak melengkapkan kedua-dua langkah berikut sebelum akhir Tempoh Peraduan akan dibatalkan. Setiap penyertaan sah akan diperuntukkan satu [1] nombor bersiri dan adalah bersamaan dengan satu [1] peluang untuk menang.</p> <p>Langkah 1: Peserta dikehendaki menaip butiran nama penuh seperti di MyKad dan nombor MyKad, ambil gambar Resit Rasmi dan hantar gambar dan butiran tersebut melalui WAM ke 017 8868 506.</p> <p>Langkah 2: Seterusnya, peserta akan menerima maklum balas melalui WAM dengan link laman web Genting Rewards. Peserta MESTI mengisi butiran yang dikehendaki di dalam borang laman web, bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Genting Rewards dan hantar untuk menjadi ahli Genting Rewards. Peserta mesti menggunakan nama dan nombor MyKad yang sama dengan butiran yang dihantar melalui WAM untuk mengisi borang laman web Genting Rewards. Peserta hanya perlu melengkapkan borang ini sekali sahaja sepanjang Tempoh Peraduan jikalau peserta ingin menghantar lebih daripada satu [1] penyertaan.</p>
3	Nombor WAM 017 8868 506 adalah talian khas yang disediakan oleh Penganjur, TIADA perakuan penerimaan akan dihantar oleh Penganjur berkaitan semua Penyertaan yang dikemukakan/dihantar oleh Peserta kepada Penganjur melalui WhatsApp. Penganjur tidak akan membalas segala pertanyaan atau rujukan melalui WAM.
4	Peserta MESTI menyimpan Resit Rasmi asal yang dikemukakan dalam penyertaan untuk pengesahan Pemenang dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk menunjukkan Resit Rasmi apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan kelayakan dan hadiah. Penganjur berhak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti dan untuk tujuan

	mengesahkan identiti Peserta.
5	Setiap peserta berhak/layak menghantar lebih daripada satu [1] penyertaan tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan satu [1] Resit Rasmi unik yang lengkap dengan butiran yang dikehendaki. Penyertaan dengan butiran yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca dan/atau tidak tepat dan tidak betul, berulang dan/atau gambar Resit Rasmi tidak jelas akan dibatalkan.
6	Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telefon, laman web, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, peranti, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu-lintas di internet atau perkhidmatan telekomunikasi.

Hadiah-Hadiah	
1	<p>Hadiah-Hadiah Mingguan</p> <p>[a] Terdapat dua ratus [200] Hadiah-Hadiah Mingguan untuk dimenangi setiap minggu selama lapan [8] minggu.</p> <p>[b] Hadiah-Hadiah Mingguan adalah penginapan satu [1] malam bilik Deluxe di Y5 First World Hotel [tidak sah untuk penginapan pada hari Sabtu, Ahad, cuti umum dan hari sebelum cuti umum]. Pemenang-pemenang mesti membuat penempahan dan penginapan di dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh penempahan yang ditetapkan adalah dari 1/11/17 hingga 30/11/17. Tempoh penginapan adalah dari 1/1/18 – 31/1/18 [kecuali hari Sabtu, Ahad, cuti umum dan hari sebelum cuti umum]. Pemenang-pemenang harus membuat penempahan dan penginapan di dalam tempoh yang ditetapkan sahaja. Ketersediaan bilik dan tarikh penginapan tertakluk kepada kebolehsediaan pada masa tempahan.</p> <p>[c] Jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan untuk penyertaan yang sah sepanjang Tempoh Peraduan Mingguan akan dibahagikan kepada 200 [dua ratus] dan dibundarkan ke nombor bulat, sebagai contoh; $10,000 \div 200 = 50$. Pemenang-pemenang Hadiah Mingguan adalah nombor bersiri ke-50 sebagai pemenang nombor bersiri pertama dan nombor bersiri ke-100 sebagai pemenang nombor bersiri kedua dan berikutnya.</p> <p>[d] Tempoh Peraduan Mingguan adalah: Minggu 1: 5 – 10 Sep 2017 Minggu 2: 11 -17 Sep 2017 Minggu 3: 18 – 24 Sep 2017 Minggu 4: 25 Sep – 1 Okt 2017 Minggu 5: 2 – 8 Okt 2017 Minggu 6: 9 – 15 Okt 2017 Minggu 7: 16 – 22 Okt 2017 Minggu 8: 23 – 30 Okt 2017</p>
2	<p>Hadiah Istimewa</p> <p>[a] Terdapat lima [5] Hadiah Utama untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.</p> <p>[b] Hadiah Utama adalah satu [1] baucer petrol Petronas bernilai Ringgit Malaysia sepuluh ribu [RM10,000].</p> <p>[c] Jumlah nombor bersiri yang diperuntukkan sepanjang Tempoh Peraduan akan dibahagikan kepada 5 [lima] dan dibundarkan ke nombor bulat, sebagai contoh; $50,000 \div 5 = 10,000$. Pemenang Hadiah Istmewa adalah nombor bersiri ke-10,000 sebagai pemenang nombor bersiri pertama, dan nombor bersiri ke-20,000 sebagai pemenang nombor bersiri kedua dan seterusnya.</p>
3	Sebarang kos lain-lain seperti duit belanja, makanan, cukai, pengangkutan balik pulang dari mana-mana destinasi, insurans dan sebarang kos sampingan yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat Peraduan ini adalah tanggungjawab pemenang-pemenang. Semua pemenang mestilah mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur dan/atau pihak yang menyediakan hadiah dan juga terma dan syarat yang disertakan bersama hadiah berkenaan. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang pembatalan atau pemindaan tarikh yang mungkin menghalang pelaksanaan hadiah-hadiah.
4	Peserta-peserta layak memenangi satu [1] Hadiah Mingguan dan satu [1] Hadiah Utama sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.

5	Pemenang akan diberitahu melalui WAM atau telefon. Senarai pemenang-pemenang juga akan diumumkan di laman web Pihak Penganjur [www.nestle.com.my]. Semua hadiah-hadiah mesti dituntut dalam tempoh seperti tertera diatas. Semua hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik dan/atau dibatal. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya pemberitahuan menerusi WAM dan/atau telefon kepada pemenang tidak diterima atau lewat diterima.
5	Pihak Penganjur berhak di atas budi bicara mutlaknyanya, menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang senilai dengannya, pada bila-bila masanya tanpa memberi notis terlebih dahulu. Hadiah-hadiah tidak boleh dipindah milik dan akan diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan tunai, kredit dan barangan lain atau baucar secara sebahagian atau sepenuhnya. Semua hadiah-hadiah diterima sepenuhnya atas risiko pemenang-pemenang dan hadiah-hadiah yang diberikan oleh Pihak Penganjur, dan/atau pihak yang menyediakan hadiah tidak bersama sebarang waranti.
6	Semua pemenang mestilah mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur dan/atau pihak yang menyediakan hadiah dan juga terma dan syarat yang disertakan bersama hadiah berkenaan, jika ada.
7	Resit Rasmi dan/atau gambar yang palsu dan/atau tidak lengkap dan penyertaan duplikasi akan mengakibatkan pembatalan kelayakan dan hadiah.

Liabiliti & Tanggungjawab

1	Pemenang dan warisnya akan bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) akibat mengambil bahagian di dalam Peraduan ini, menuntut dan/atau menggunakan hadiah Peraduan ini dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Pihak Penganjur terhadap sebarang liabiliti.
2	Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menyertai Peraduan ini dan menuntut hadiah adalah tanggungjawab pemenang sepenuhnya.

Hak Penganjur

1	Pihak Penganjur berhak menggunakan nama dan/atau gambar pemenang dan hadiah-hadiahnya sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau perdagangan dan/atau publisiti dan pemenang tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut.
2	Penganjur berhak menggunakan budi bicara mutlaknyanya untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki membega proses penghantaran penyertaan Peraduan atau pengendalian Peraduan dan Penganjur berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana individu yang dipercayai melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang menjejaskan Peraduan.
3	Penganjur berhak untuk meminda, menggantung atau membatalkan Peraduan sekiranya Penganjur tidak dapat mengendalikan Peraduan seperti yang dirancang termasuk tetapi tidak terhad kepada campur tangan tidak sah, penipuan, kegagalan teknikal atau sebarang sebab lain di luar kawalan Penganjur, walaupun dengan usaha terbaik Penganjur.

Notis Privasi

1	Dengan menyertai PERADUAN JOM NESCAFÉ anda telah bersetuju untuk Nestlé Products Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia") dan pembekal-pembekal perkhidmatan, penaja-penaja Peraduan termasuk WorldCard Services Sdn Bhd [430982-P], ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami ("Pihak-Pihak Ketiga Lantikan") (secara kolektif "Penganjur" atau "kami") memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam borang penyertaan bagi tujuan PERADUAN JOM NESCAFÉ. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2	Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.

3	Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemprosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.
4	Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy .
5	Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy .
6	Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami. Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada: <ul style="list-style-type: none"> • Hubungi: Pegawai Perlindungan Data Peribadi • Alamat: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, Tingkat 22, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor. Atau <ul style="list-style-type: none"> • Borang Web : Atau <ul style="list-style-type: none"> • Hubungi kami : 1-800-88-3433
7	Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam PERADUAN JOM NESCAFÉ tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.
8	Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy . Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.
Terma & Syarat	
1	Keputusan Pihak Penganjur adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
2	Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Terma dan Syarat ini serta keputusan Pihak Penganjur.
3	Pihak Penganjur berhak meminda Terma dan Syarat Peraduan ini dari semasa ke semasa. Sila rujuk www.nestle.com.my/brands/contest untuk maklumat lanjut.